

594 mangsa banjir dipindah di Pahang

KUANTAN 24 Dis. - Sebanyak 594 mangsa banjir di tiga daerah di negeri ini dipindahkan ke pusat pemindahan sementara berikutan hujan lebat yang berlaku sejak malam tadi.

Menurut Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail, jumlah terbabit melibatkan daerah Rompin, Kuantan dan Pekan dengan kesemua mangsa dipindahkan di pusat pemindahan yang disediakan.

"Seramai 492 mangsa di **Kuantan** dipindahkan di empat pusat pemindahan iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pandan, Sekolah Kebangsaan (SK) Galing, SK Cenderawasih dan Balai Raya Tanjung Lumpur di sini.

"Di SMK Pandan sebanyak 90 mangsa

daripada 33 keluarga, SK Galing (302) daripada 64 keluarga, SK Cenderawasih (77) daripada lapan keluarga dan Balai Raya Tanjung Lumpur (20) daripada tiga keluarga.

"Mereka antara penduduk di lima kampung iaitu Kampung Galing, Kampung Galing Besar, Kampung Cenderawasih, Kampung Teluk Baru dan Taman Seri Kuantan," katanya kepada pemberita selepas mengiringi Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah yang mencemari melawat mangsa banjir di SK Galing, di sini hari ini.

Sementara itu, menurut Muhammad Safian, sebanyak 66 mangsa di daerah Pekan iaitu dari Kampung Sungai Miang dan Kampung Cenderawasih membabitkan 16 ke-

luarga dipindahkan ke SK Sinar Mutiara.

"Manakala di **daerah Rompin**, sebanyak 51 mangsa melibatkan lapan keluarga dari Kampung Perpat dipindahkan ke Balai Raya Lintang, Masjid Perpat," jelasnya.

Tinjauan *Utusan Malaysia* turut mendapati berlaku fenomena banjir kilat terutama di Indera Mahkota 8, Jalan Tun Ismail, Jalan Bukit Ubi, Jalan Darat Makbar, Jalan Wong Ah Jang, Semambu, Air Putih dan Tanah Putih.

Banjir kilat yang berpunca daripada sistem perparitan itu berlaku kira-kira sejam dan keadaan pulih seperti sedia kala pada pukul 12 tengah hari.

Kebanyakan kedai terpaksa menghentikan operasi mereka bagi membersihkan kesan lumpur akibat fenomena itu.



★ **Pengurus**
Belangor